

PM kesal penjajahan masih berleluasa dalam bentuk baru

KUALA LUMPUR 5 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad kesal kerana penjajahan masih "hidup" berleluasa dalam bentuk baru dengan serangan secara langsung dan tidak langsung yang berterusan terhadap negara - negara membangun.

Yang lebih menyedihkan Perdana Menteri ialah bukan sahaja serangan tentera sama ada secara langsung atau menerusi wakil-wakil masih berlaku di sana-sini, tetapi di setengah - seengah negara, perjuangan menuntut kemerdekaan masih belum berakhir.

"Kerajaan yang lemah dan tidak stabil dijadikan alasan terbaik untuk serangan tentera sama seperti kerajaan yang kuat. Sebenarnya semua kerajaan negara membangun dikatakan terhoyong - hayang, tidak cekap dan rasuah — seolah-olah negara - negara utara (yang maju) bebas sepenuhnya daripada sifat-sifat ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan dasarnya kepada kira-kira 300 orang negarawan, cendekiawan dan pakar-pakar antarabangsa yang menghadiri Persidangan Selatan - Se-

latan Kedua di Hotel Shangri-La di sini.

Sebagai contoh, Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian tentang penderitaan orang kulit hitam di Afrika Selatan yang masih "diburu" untuk memperkukuhkan sistem paling keji yang dicipta oleh manusia iaitu apartheid.

Menurutnya, Kerajaan Afrika Selatan adalah rejim perkauman yang paling dahsyat dalam sejarah dunia dan kewujudannya di zaman ini disebabkan kerana sokongan yang didapati daripada mereka yang bersimpati dari negara - negara utara.

"Orang yang bersedia mengambil tindakan militari terhadap sebuah kerajaan yang didakwa menggalakkan keganasan, mengamalkan pujukan lembut apabila berhadapan dengan keganasan terbuka yang diamalkan oleh Kerajaan Afrika?" tegasnya dengan nada sinis yang dipercayai ditujukan kepada Amerika Syarikat yang mengebom Libya baru-baru ini.

LIHAT MUKA 6

Kesal penjajahan berleluasa

Perdana Menteri menje- laskan, Malaysia tidak mengharapkan rejim Pretoria dibom sehingga musnah, oleh kerana Malaysia tidak dipercayai tindakan secara itu.

Tetapi yang dipersoalkannya ialah bilakah mereka yang mempunyai kuasa ekonomi akan mengenakan sekatan ekonomi terhadap Afrika Selatan?

"Atau adakah nyawa rakyat Afrika terlalu murah dan pelaburan di Afrika

Selatan terlalu menguntungkan," tanya beliau.

Berdasarkan scenario ini, Perdana Menteri menekankan perlunya negara selatan - selatan bersatu untuk memperkukuhkan kedudukan masing - masing dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Salah satu cara yang dicadangkannya ialah menghadkan pembelian senjata di kalangan dunia ketiga yang menurutnya memberi penekanan kepada perkara itu.